

Sekitar JPA

Kupasan Perjalanan Transformasi JPA

Edisi 5: 1—15 April 2015



MENARIK DI DALAM

- Penyerahan Surat Penambahbaikan (JGMM) Bagi PDRM & ATM 2
- Majlis Pelancaran Yayasan Pesara Kerajaan Malaysia 2
- Majlis Penyerahan Blok C3 3



PERHIMPUNAN PENJAWAT AWAM 2015 & TAKLIMAT ISU-ISU SEMASA ANJURAN CUEPACS

Pada 15 April 2015, telah berlangsung Perhimpunan Penjawat Awam dan Taklimat Isu-Isu Semasa anjuran CUEPACS kepada penjawat awam di Pusat Konvensyen CIDB, Jalan Cheras. Program ini telah dihadiri lebih daripada 1000 penjawat awam seluruh Malaysia.

Dalam Perhimpunan ini, Datuk Azih Muda selaku Presiden CUEPACS telah menyampaikan Memorandum CUEPACS 2015 berhubung tuntutan-tuntutan mereka kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal sambil disaksikan ahli-ahli jawatankuasa kongres tersebut.

Dalam Amanat Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal kepada penjawat awam yang hadir, beliau menegaskan bahawa Kebajikan penjawat awam sentiasa menjadi keutamaan Kerajaan dan tuntutan daripada penjawat awam akan dikaji dengan teliti mengambil kira status kewangan Negara. Dalam masa yang sama, keprihatinan Kerajaan ini adalah seiring dengan pengharapan agar Penjawat Awam terus

mengekalkan dan membina ciri-ciri kecemerlangan berpaksikan integriti.

Malah dalam tempoh 15 tahun ini, Kerajaan telah melaksanakan sekurang-kurangnya lapan kali penambahbaikan ke atas gaji penjawat awam. Keputusan yang diambil oleh Kerajaan adalah mengambil kira kemampuan kewangan negara serta komitmen-komitmen lain. Perkara ini sekaligus membuktikan bahawa Kerajaan prihatin terhadap kebajikan penjawat awam.

JPA juga telah memperhalusi syarat-syarat dan peraturan pelaksanaan pemberian Pergerakan Gaji Tahunan. Sehubungan itu, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2015 telah diterbitkan bagi membantu melancarkan pelaksanaan dasar Pergerakan Gaji Tahunan.

Oleh yang demikian, mereka yang telah mencapai gaji maksimum dan yang selama ini berada pada gaji dinding akan diberi Pergerakan Gaji Tahunan dengan kadar 3% daripada gaji maksimum skim perkhidmatan masing-masing.

MAJLIS PELANCARAN YAYASAN PESARA KERAJAAN MALAYSIA



Pada 13 April 2015 telah berlangsungnya Majlis Pelancaran Yayasan Pesara Kerajaan Malaysia (YPKM) dan Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Ke-4 Kelab UMNO Pesara Kanan Kerajaan Malaysia di Dewan Seri Siantan, Perbadanan Putrajaya. Majlis ini telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia. Turut hadir bersama ialah Tan Sri Mohammad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dan Tan Sri Aseh Bin Che Mat, Pengerusi Yayasan Pesara Kerajaan Malaysia serta pesara-pesara Kerajaan.

Dalam ucapan perasmian beliau, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa Kerajaan telah meluluskan peruntukan permulaan sebanyak RM5 juta kepada YPKM bagi menjalankan aktiviti berkaitan pesara Kerajaan. Kewujudan Yayasan ini adalah sebagai bukti Kerajaan menghargai segala jasa dan perkhidmatan yang telah dicurahkan oleh mereka yang pernah berkhidmat dalam sektor awam. Yayasan ini juga menjadi satu medium perantaraan pesara dan Kerajaan bagi memastikan kebajikan pesara terbela.

Menurut beliau lagi, Kerajaan sentiasa peka dan prihatin dengan kebajikan para pesara dengan tidak mengabaikan mereka sebagai tanda mengenang jasa mereka. YPKM ini diharapkan dapat memperjuangkan kepentingan pesara Kerajaan dalam keadaan semasa yang semakin mencabar ini.

MAJLIS PENYERAHAN SURAT PELAKSANAAN PENAMBAHBAIKAN GAJI TAHUNAN DALAM JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM BAGI PERKHIDMATAN PDRM & ATM



Pada 9 April 2015, telah berlangsung Majlis Penyerahan Surat Pelaksanaan Penambahbaikan Gaji Tahunan Dalam Jadual Gaji Minimum-Maksimum bagi Perkhidmatan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Majlis penyerahan dan taklimat berhubung surat pelaksanaan ini diadakan khusus buat Perkhidmatan PDRM dan ATM mengambil kira sensitiviti perkhidmatan serta bagi membuka ruang yang lebih untuk pegawai-pegawai sumber manusia peringkat kementerian mahupun perkhidmatan untuk bertanyakan soalan berhubung pelaksanaan penambahbaikan pergerakan gaji tahunan. Majlis sebegini merupakan *engagement* JPA dengan PDRM dan ATM yang mana wajar diperbanyakkan bagi memastikan jaringan kerjasama yang baik dapat sentiasa dikekalkan. Selain itu, komunikasi secara terus penting bagi JPA sebagai pembuat dasar dalam mendapatkan maklum balas, selain untuk menyelami permasalahan yang dihadapi warga kementerian dan perkhidmatan ATM.





MESYUARAT BERSAMA KEBANGSAAN BAGI PEKERJA-PEKERJA KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL

Pada 3 April 2015, telah berlangsung Mesyuarat Bersama Kebangsaan bagi Pekerja-pekerja Kumpulan Pengurusan & Profesional (MBK P&P) di INTAN, Bukit Kiara Kuala Lumpur. Mesyuarat ini diadakan bertujuan untuk mencapai persetujuan bersama berhubung perkara-perkara yang telah dibincangkan dalam Mesyuarat Pre-Council MBK pada 2 April 2015. Turut hadir bersama ialah Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Encik Tey Meng Seng, Pengerusi Pihak Pekerja MBK P&P serta Encik Aminuddin bin Awang, Setiausaha Pihak Pekerja MBK P&P serta ahli-ahli Mesyuarat Pihak Pegawai dan Pihak Pekerja.

Kerajaan telah mewujudkan forum Majlis Bersama Kebangsaan ini sebagai satu pendekatan dalam membentuk permuafakatan ke arah perhubungan majikan-pekerja yang harmonis. Melalui forum ini perkongsian pintar disuburkan melalui proses perbincangan bersama dan sepakatan dalam menangani permasalahan yang dihadapi oleh penjawat awam. Dalam perutusan KPPA kepada ahli Mesyuarat, beliau berpesan agar penjawat awam sentiasa meningkatkan produktiviti kerja. Peningkatan tersebut bukan sahaja dari segi kuantiti tetapi juga kualiti. Memandangkan Kerajaan juga telah banyak menyediakan insentif dan kemudahan kepada penjawat awam, maka kita bertanggungjawab untuk menambah baik cara kerja dan penghasilan kerja. Beliau juga berpesan kepada semua wakil-wakil Pihak Pekerja supaya terus berperanan secara aktif dalam menyampaikan dan menyokong dasar-dasar Kerajaan.



MAJLIS PENYERAHAN BLOK C3 OLEH PEGUAM NEGARA KEPADA KPPA

Pada 8 April 2015 telah berlangsung Majlis Penyerahan Blok C3, Kompleks C oleh Peguam Negara iaitu Tan Sri Abdul Gani Patail bertempat di Lobi Blok C3 Kompleks C Putrajaya. Majlis ini turut dihadiri oleh Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Peguam Cara Negara iaitu Datuk Azailiza Mohd Ahad dan Datuk Mohd Zuki Ali, Timbalan Ketua Setiausaha di Jabatan Perdana Menteri.



Peguam Negara turut berkongsi sejarah bangunan Blok C3 tersebut yang menjadi ruang pejabat Jabatan Peguam Negara dan Jabatan Perkhidmatan Awam bermula pada tahun 2001. Keputusan Kerajaan untuk memindahkan pejabat-pejabat Kerajaan Persekutuan ketika itu sejajar dengan polisi kerajaan untuk menyediakan pembangunan yang lebih seimbang daripada sebelumnya. Tambahnya lagi, bangunan C3 Putrajaya diberikan kepada Jabatan Peguam Negara berdasarkan bilangan perjawatan pada ketika itu.

Penyerahan Blok C3 kepada Jabatan Perkhidmatan Awam ini diharapkan dapat mewujudkan suatu persekitaran yang lebih kondusif bagi menghasilkan kualiti kerja yang lebih bermutu dan produktif.

“Kerajaan sentiasa memberi ruang dan peluang kepada Pihak Pekerja untuk mengemukakan cadangan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan awam serta kebajikan penjawat awam itu sendiri.” – Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal sewaktu Perhimpunan Penjawat Awam 2015 & Taklimat Isu-isu Semasa, 15 April 2015

INTERACTION SESSION WITH CHIEF SECRETARY TO THE GOVERNMENT OF MALAYSIA AND THE PARTICIPANTS OF ADVANCED LEADERSHIP AND MANAGEMENT PROGRAMME (ALMP) SERIES 46, NO. 1/2015.



INTAN has organised Advanced Leadership and Management Programme (ALMP) Series 46, No 1/2015 on 6 April 2015 which involves 58 participants from 15 Ministries and agencies. This course starts from 27 March 2015 until 24 April 2015. ALMP is a mandatory course for officials in the Administrative and Diplomatic Service and other officials from various schemes of services. The participants of the programme are the officials who are to be confirmed to the 'Jawatan Utama Sektor Awam' (JUSA) and its equivalent. This programme aims to acquire knowledge, enhance skills and construct a leadership-competency profile based on participant traits and qualities.

The session offers them a unique opportunity to exchange information and ideas, especially on developments in the public service. Tan Sri Dr. Ali Hamsa stresses on the importance of breaking down silos and having closer coordination and collaboration between and within Ministries and Agencies. He also adds that the Government implemented the Goods and Services Tax (GST) as part of the Government's tax reform programme to increase the efficiency and effectiveness of our taxation system. It is important that as heads of departments and senior management are able to address any negative reaction among the workers. Well-balanced explanations should be given in order to clear any doubts and misconception. Regarding to the challenges in leadership, he also stresses on importance for public service to keep focusing on productivity. The Government has to ensure that the country's productivity commensurate with the number of civil servants. For this purpose, the Government has agreed that the Public Service Department (JPA) and the Malaysia Productivity Corporation (MPC) to conduct a study on the nation's productivity levels. He also hopes that as senior officials in the public service, all the participants can perform their duties diligently and increase productivity.



Sekalung penghargaan dan tahniah diucapkan ke atas penganugerahan pangkat Mejar Jeneral (Kehormat) kepada Yang Berbahagia Mejar Jeneral (K) Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

Blok C1-C2, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62510 W.P. Putrajaya, Malaysia | Telefon: 603 8000 8000

Sumbangan Berita: Warga JPA | Penerbitan: Pasukan Komunikasi | Percetakan: Unit Dokumentasi, JPA



www.jpa.gov.my



Jabatan Perkhidmatan Awam



@jpa2day



Jabatan Perkhidmatan Awam



jpa2day